

# Usahawan perlu kuasai tiga bidang ilmu

BH - 2/6/2007

**B**UTTERWORTH: Perdana Menteri semalam menggariskan tiga bidang ilmu utama yang perlu dikuasai setiap usahawan Bumiputera bagi menghasilkan produk dan perkhidmatan berkualiti tinggi.

Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, bidang ilmu itu yang membolehkan usahawan Bumiputera bersaing dalam cabaran dunia keusahawanan global adalah kemahiran teknikal, keusahawanan dan kepemimpinan.

Katanya, kemahiran teknikal membantu usahawan menyelesaikan masalah berkaitan perniagaan, memberi bimbingan berkenaan

tatacara kerja yang betul dan menguruskan prestasi harian pekerja mereka.

Aspek keusahawanan pula memerlukan mereka berpengetahuan mencipta produk, menguruskan pengeluaran dan memasarkan produk yang dihasilkan, katanya.

Sementara ilmu kepemimpinan pula, kata beliau, penting dalam pengurusan perniagaan dengan kebolehan memimpin adalah petanda seseorang itu memiliki bakat untuk menjadi seorang pengurus perniagaan berkesan.

“Saya percaya apabila seseorang usahawan berjaya menggabungkan ketiga-tiga unsur itu,

usahawan itu berjaya dalam menongkah arus dunia keusahawanan yang penuh pancaroba.

“Saya berharap usahawan Bumiputera akan bekerja keras demi memastikan produk dan perkhidmatan mereka sentiasa berkualiti tinggi dan menepati piawaian antarabangsa,” katanya dalam ucapan perasmian Ekspo Usahawan Bumiputera Pulau Pinang, di tapak ekspo Seberang Jaya, di sini, semalam.

Teks ucapan beliau dibacakan Menteri Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Abd Aziz Samsuddin yang turut menyempurnakan majlis perasmian itu.